

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	18 MAY 2017

Kerjasama hanya untuk jatuhkan PM

Um-18/5/2017 Pg.15

KUBANG PASU 17 Mei - Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr. Mahathir Mohamad mengakui parti itu terpaksa membentuk gabungan bersama DAP, PKR dan PAN biar pun tidak bersetuju dengan beberapa perkara yang diperjuangkan oleh parti-parti tersebut demi mahu menjatuhkan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Jelasnya, pembentukan PPBM hanyalah untuk mencapai satu tujuan iaitu menjatuhkan Perdana Menteri dan ia tidak akan menjadi kenyataan sekiranya mana-mana parti pembangkang

bergerak secara berseendirian.

“Kita tubuhkan PPBM dan tujuan parti ini satu saja, iaitu untuk jatuhkan Najib. Untuk ini, kita sedar bahawa sebuah parti saja tak mungkin berjaya seperti juga BN, kalau UMNO atau Najib saja, mereka tak boleh tubuh kerajaan.

“Kalau nak menang, kena gabung... Bukanlah kita bersetuju dengan semua yang mereka perjuangkan. DAP, PKR, Amanah



DR. MAHATHIR

(PAN) ada benda yang dia perjuangkan, itu masalah dialah. Tapi ada satu perkara yang mereka perjuangkan dan kita perjuangkan juga iaitu untuk jatuhkan kerajaan Najib,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Jelajah Semarak di sini hari

ini yang turut dihadiri Presiden PPBM, Tan Sri Muhyiddin Yassin serta Timbalan Presidennya, Datuk Seri Mukhriz Tun Mahathir.

Mengulas lanjut katanya, jika parti-parti terlibat terlalu memikirkan mengenai perjuangan masing-masing dengan tujuan berlainan, perkara itu tidak akan menyatupadukan mereka.

“Sebaliknya apa yang kita perjuangkan adalah kejatuhan Najib yang mana semua kita bersetuju. Ya, betul dalam pakatan ini ada DAP, ada musuh ketat saya dulu, Lim Kit Siang yang panggil saya ‘mahazalim’ dan ‘mahafiraun’ tetapi itu perkara lama kerana yang penting, kita bekerjasama dengan DAP,” katanya.